

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 27 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 04

Nota kerjasama PDRM, JBPM jadi panduan

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Nota kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) boleh dijadikan panduan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dalam mengkoordinasikan tugas terutama ketika berlakunya bencana.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, selepas ini beliau mahu melihat lebih banyak lagi nota kerjasama antara pelbagai agensi dijalinkan bagi memastikan masalah rakyat dapat diselesaikan dengan segera.

"Hari ini hanya ada nota kerjasama berkaitan siasatan kebakaran, kalau boleh selepas ini, kita mahu juga wujudkan nota kerjasama

berkaitan perkara tak terduga seperti banjir.

"Walaupun kita ada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), banyak lagi bentuk kerjasama yang dapat dilakukan antara agensi," katanya ketika berucap dalam majlis menandatangani nota kerjasama antara PDRM dan JBPM di Maktab PDRM di sini hari.

Menurut Noh, dengan termeterainya nota kerjasama antara PDRM dan JBPM itu peranan dan tanggungjawab setiap agensi dapat difahami dengan lebih jelas.

"Segala perbezaan objektif dan tujuan bagi kedua-dua belah pihak dalam penyiasatan kebakaran dijadikan satu titik pertemuan yang sama dalam meningkatkan keberkesanan penyiasatan," katanya.